

Headline	Kumpulan Ambank sumbang RM50,000 untuk keluarga miskin		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	12	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,165
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,495



## Kumpulan Ambank sumbang RM50,000 untuk keluarga miskin

**KUALA TERENGGANU** – Kumpulan AmBank menyumbang sejumlah RM50,000 kepada 50 keluarga kurang berkemampuan dan miskin di Terengganu menerusi Program Komuniti AmBank-MyKasih.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasarannya, Syed Anuar Syed Ali berkata, kumpulan perbankan itu memperuntukkan sejumlah RM1 juta setiap tahun untuk melaksanakan program terbabit di 14 lokasi seluruh negara.

“Di bawah program ini, AmBank menyediakan elaun sebanyak RM80 sebulan untuk setiap keluarga. Elaun ini bertujuan membantu membiayai kos barangan makanan harian mereka se-

perti gula, beras, tepung, susu dan minyak masak.

“Kami menggunakan MyKad sebagai saluran pengagihan. Penerima boleh menggunakan MyKad untuk membeli barangan berkenaan di pasar raya yang sudah ditetapkan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Komuniti AmBank-MyKasih di Pasar raya Giant di sini.

Syed Anuar berkata, dengan cara itu Kumpulan Ambank dapat memastikan sumbangan yang di-

salurkan sampai dan dinikmati terus oleh penerima.

Katanya, sebagai sebahagian daripada komponen utama program terbabit, Kumpulan AmBank juga akan mengadakan sesi celik kewangan yang bertujuan memberi pendedahan dan cara mengurus

kewangan dengan baik kepada keluarga berkenaan.

“Keluarga yang dipilih dalam program ini akan menghadiri ceramah yang dijalankan oleh sukarelawan AmBank dan MyKasih. Pada sesi ini, keluarga berkenaan akan diajar cara menghadapi waktu sukar dan mengatasi masalah kewangan,” katanya.

Kumpulan AmBank bekerjasama dengan Yayasan MyKasih sejak November 2009 bagi menaja keluarga berpendapatan rendah.



SYED ANUAR



AmBank Group